



YAYASAN AL-KHAIRIAH

**GARISPANDUAN DAN
BORANG PERMOHONAN
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
BAGI
PROGRAM PENGAJIAN
IJAZAH SARJANA MUDA**

GARISPANDUAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN AL-KHAIRIAH

(Hendaklah dibaca sebelum mengisi borang permohonan)

1. PENDAHULUAN

Yayasan Al-Khairiah (YAK) menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar persendirian untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama di luar negara. Oleh kerana bilangan pinjaman yang disediakan adalah terhad, YAK tidak memberi jaminan setiap permohonan yang memenuhi syarat/kriteria akan diberi pertimbangan/kelulusan.

2. KONSEP PEMBIAYAAN

Kemudahan pembiayaan yang disediakan adalah berkonsepkan *cost sharing* di mana YAK akan membiayai **yuran pengajian sahaja** (yuran universiti dan yuran subjek) tertakluk kepada jumlah yuran selama tempoh tahun pengajian. Lain-lain kos seperti kos sara hidup dan kos kerugian pertukaran wang asing adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.

3. TATACARA PEMBIAYAAN

3.1 Bentuk pembiayaan

YAK tidak akan membiayai kos pada tahun pertama pengajian. Pembiayaan hanya akan dimulakan pada tahun kedua hingga tamat pengajian tanpa kos sara hidup bulanan.

3.2 Status pembiayaan

Pembiayaan ini merupakan Pinjaman Boleh Ubah (PBU). Pelajar-pelajar yang mendapat kemudahan pembiayaan ini dikehendaki untuk membayar balik keseluruhan jumlah pinjaman selepas menamatkan pengajian sekiranya tidak mencapai tahap kelulusan 'Jayyid Jidda'.

4. BIDANG-BIDANG PENGAJIAN YANG DIBERI KEUTAMAAN

4.1 Bidang-bidang pengajian yang diberi keutamaan adalah seperti berikut :

- i) Pengajian Islam (Shariah / Usuluddin)
- ii) Pengajian Bahasa Arab

4.2 Pengajian tersebut adalah di peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti di Timur Tengah.

4.3 Kursus yang diikuti oleh pelajar hendaklah kursus yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

5. SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

5.1 SYARAT UMUM

Pelajar layak memohon pembiayaan ini sekiranya memenuhi kelayakan berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Merupakan anak yatim berdaftar di bawah YAK;
3. Berumur di bawah 25 tahun;
4. Tidak menerima penajaan daripada mana-mana pihak yang lain;

5.2 SYARAT KHUSUS (SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK)

1. Telah diterima masuk ke tahun pertama pengajian.
2. Mendapat sekurang-kurangnya tahap 'Jayyid' dalam subjek Bahasa Arab Tinggi dan 2 subjek yang lain yang berkaitan dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama (STAM).
3. Mengemukakan keputusan peperiksaan berkenaan semasa mengemukakan permohonan ke YAK.
4. Bagi pelajar lepasan Diploma yang diterima masuk terus ke tahun kedua pengajian, kelayakan akademik ialah sekurang-kurangnya CGPA 2.75 atau setaraf dengannya.

6. TEMPOH PERMOHONAN PEMBIAYAAN

Pelajar perlu mengemukakan permohonan sebelum atau setelah memulakan pengajian di tahun pertama.

- 6.2 Tempoh proses permohonan akan mengambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan. Pelajar akan dimaklumkan tentang status permohonan setelah proses penelitian dan pertimbangan oleh YAK.

7. BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, atau Ketua Kampung / Penghulu. Bagi pelajar yang telah berada di luar negara pengesahan boleh juga dibuat oleh Pegawai Kedutaan Besar Malaysia / Jabatan Penuntut Malaysia yang juga dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Bersama borang permohonan, pelajar dikehendaki mengemukakan bukti bagaimana beliau dapat menampung kos sara hidup dan kos lain-lain semasa mengikuti pengajian di luar negara.

Dokumen-dokumen lain yang perlu disertakan bersama borang permohonan adalah seperti berikut :

- a) Salinan Kad Pengenalan (Pelajar Ibu/Penjaga);
- b) Salinan Surat Beranak (Pelajar);
- c) Salinan sijil kematian bapa.
- d) Salinan Sijil SPM / SMU / STAM / Diploma / Lain-lain;
- e) Salinan surat tawaran kemasukan ke universiti/institusi (*Unconditional Offer*);
- f) Salinan keputusan peperiksaan pengajian bagi tahun sebelumnya (untuk pelajar yang sedang mengikuti pengajian di luar negara semasa permohonan dibuat);
- g) Salinan Pasport (Pelajar);
- h) Borang permohonan pembiayaan YAK yang telah diisi dengan lengkap.
- i) Dokumen bukti bagaimana pelajar menampung kos sara hidup dan kos-kos lain di luar negara;

Kesemua salinan dokumen di atas hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh pegawai-pegawai seperti yang dinyatakan di perenggan 7.1.

- 7.4 Permohonan yang tidak lengkap, tidak menepati arahan yang ditetapkan, dan tidak memenuhi syarat kelayakan sebagaimana yang dinyatakan di atas tidak akan diproses/dipertimbangkan.
- 7.5 Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang telah ditetapkan hendaklah dihantar ke alamat berikut :-

**YAYASAN AL-KHAIRIAH,
Lot 393, Kompleks Pondok Antarabangsa,
Jalan Raja Perempuan II, 16150 Kubang Kerian,
Kota Bharu, Kelantan.
(u.p. Jabatan Warasatul Anbia)**

8. HAK YAK


- 8.1 Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar kerajaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, YAK tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 8.2 YAK berhak untuk membuat sebarang perubahan kepada kemudahan pembiayaan yang disediakan pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu; dan

8.3 YAK berhak menarik balik tawaran pembiayaan sekiranya didapati perlu, tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.

9. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Sebarang kemusykilan mengenai permohonan pembiayaan, sila hubungi pegawai berikut :

En. Md Firdaus Hakim bin Mohd A'seri

 09-7644332
09-7653355 (Faks)

 yayasan_1987@hotmail.com / malaysia_maktab@yahoo.com

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PINJAMAN YAK
(Hendaklah diisi oleh pelajar semasa mengemukakan borang permohonan)

Sudahkah anda lampirkan perkara-perkara berikut? Sila tandakan \surd sekiranya ya atau X sekiranya tidak di dalam kotak yang disediakan.

- | | |
|--------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | Salinan Kad Pengenalan (Pelajar & Ibu/Penjaga) yang telah disahkan; |
| <input type="checkbox"/> | Salinan Surat Beranak (Pelajar) yang telah disahkan; |
| <input type="checkbox"/> | Salinan Sijil Kematian (Bapa) yang telah disahkan; |
| <input type="checkbox"/> | Salinan Sijil SPM / SMU / STAM / Diploma / Lain-lain yang telah disahkan; |
| <input type="checkbox"/> | Salinan surat tawaran kemasukan ke universiti/institusi (<i>Unconditional Offer</i>) yang telah disahkan; |
| <input type="checkbox"/> | Salinan keputusan peperiksaan pengajian (dokumen asal) bagi tahun-tahun sebelumnya; |
| <input type="checkbox"/> | Salinan pasport pelajar yang telah disahkan; |
| <input type="checkbox"/> | Borang permohonan pembiayaan YAK yang telah diisi dengan lengkap; |
| <input type="checkbox"/> | Dokumen bukti bagaimana pelajar menampung kos sara hidup dan kos-kos lain di luar negara; |

NOTA

Salinan hanya boleh disahkan oleh Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, atau Ketua Kampung / Penghulu. Bagi pelajar yang telah berada di luar negara pengesahan boleh juga dibuat oleh pegawai Kedutaan Besar Malaysia / Jabatan Penuntut Malaysia juga dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

YAYASAN AL-KHAIRIAH

**BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
BAGI MENYAMBUNG PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA**

PERINGATAN:

- 1) TARIKH TUTUP PERMOHONAN SATU (1) BULAN DARI TARIKH PENDAFTARAN MASUK KE IPT.
- 2) SILA BACA SYARAT-SYARAT PERMOHONON SEBELUM MENGISI BORANG PERMOHONAN.
- 3) PERMOHONAN YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT YANG DITETAPKAN AKAN DITOLAK.
- 4) PERMOHONAN YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT YANG DITETAPKAN AKAN DITOLAK.
- 5) KELULUSAN PERMOHONAN AKAN DIMAKLUMKAN SELEPAS SESI TEMUDUGA DAN PENILAIAN.

Gambar Saiz
pasport yang
terbaru
3.5cm x 4.5cm

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

1. NAMA PENUH :
(Seperti Dalam Kad Pengenalan)

2. NO. KAD PENGENALAN : - -
(LAMPIRKAN SALINAN PHOTOSTAT)

3. TARIKH LAHIR : - -

4. TEMPAT LAHIR

5. UMUR : T A H U N

6. STATUS PERKAHWINAN (SUDAH/BELUM):

7. JANTINA :

8. AGAMA:

9. NO. TELEFON :

10. ALAMAT SURAT MENYURAT:

B. BUTIR-BUTIR PENGAJIAN

1. BIDANG PENGAJIAN :

2. PENGKHUSUSAN :

3. INSTITUSI PENGAJIAN:

4. TARIKH MULA PENGAJIAN : - -

5. TEMPOH PENGAJIAN : T A H U N

6. PENGAJIAN SEPENUH MASA/SEPARUH MASA :

C. KELULUSAN AKADEMIK

NAMA SEKOLAH	DARI	HINGGA	KEPUTUSAN PEPERIKSAAN	BANTUAN PINJAMAN/BIASISWA DITERIMA (JIKA ADA)

D. AKTIVITI KO-KURIKULUM SEMASA DI SEKOLAH

1)	2)
3)	4)

E. BUTIR-BUTIR KELUARGA

1. NAMA PENUH BAPA : (Seperti Dalam Kad Pengenalan)

2. NO. KAD PENGENALAN : - - 3. TARIKH MENINGGAL DUNIA / /

4. NAMA PENUH IBU : (Seperti Dalam Kad Pengenalan)

5. NO. KAD PENGENALAN : - -

6. ALAMAT SURAT MENYURAT:

7. NO. TELEFON : -

8. PEKERJAAN IBU : 9. NO. TEL. : -

10. PENDAPATAN IBU : R M -

11. ALAMAT MAJIKAN IBU:

12. BUTIR-BUTIR ANAK/TANGGUNGAN IBU/BAPA
(ANAK-ANAK YANG SUDAH BEKERJA DAN ANAK YANG SUDAH BERKAHWIN TIDAK LAGI MENJADI TANGGUNGAN IBU/BAPA)

NAMA PENUH	UMUR	JANTINA	NAMA SEKOLAH/INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	BANTUAN PELAJARAN DITERIMA (JIKA ADA)

F. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa segala kenyataan di atas adalah BENAR dan saya juga mengaku tidak menerima lain-lain bantuan kewangan daripada mana-mana badan/institusi. Saya faham bahawa pihak YAYASAN AL-KHAIRIAH berhak menolak permohonan/ menarik balik pembiayaan sekiranya maklumat di atas TIDAK BENAR/TELAH MENERIMA BANTUAN dari mana-mana badan penaja.

TARIKH : - -